

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HKN 403 Seminar Dalam Kesusasteraan Nusantara I:  
Aspek Teori dan Kritikan

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI  
DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Penciptaan dan penghayatan kesusasteraan Melayu tradisional berlangsung di dalam satu ruang budaya yang mengamalkan "norma partisipatoris" (W.J. Ong) yang mengikat pengarang dan khalayaknya dengan satu "kontrak naratif" (Culler). Huraikan situasi di atas dan perlihatkan dalam keadaan sedemikian sejauh manakah pengarang tradisional dapat menguji kreativitinya.

2. "There can be no such thing as a non-relativistic representation of historical reality" (Hayden White).

Perkembangkan pandangan tersebut dengan merujuk kepada penjelasan Teeuw tentang proses penyampaian fakta melalui bahasa dan seterusnya tentang status sejarah dalam karya sastera. Dengan merujuk kepada penyelewengan-penyelewengan fakta dalam teks-teks historiografi Melayu yang relevan, buktikan bahawa "objektiviti itu adalah satu mitos" (Brandt).

3. Bicarakan kaedah pembacaan sastera sejarah yang dianggap sebagai "weak textualism" (Rorty). Mengapakah orientalis terperangkap dengan kaedah pembacaan ini? Perlihatkan bagaimana pembacaan metaforikal dan "rhetorical" (Maier) dapat mewajarkan sifat sastera sejarah ini.

4. Bincangkan ciri-ciri puitika genre lipur lara sebagai karya sastra yang tergolong dalam sfera keindahan (Braginsky) atau seni kedamaian (Sorokin). Bagaimanakah ciri-ciri itu dapat berfungsi secara psikologis untuk mengharmonikan perasaan yang tidak berimbang atau katharsis (Aristotle)?
5. Percetakan (Maier), aliran "neo-traditionality" (Braginsky) dan proses normalisasi (Foucault) adalah faktor-faktor yang berperanan untuk memunculkan ciri-ciri keindividualan yang bertanggungjawab terhadap peralihan sastra tradisional ke moden. Huraikan faktor-faktor tersebut dan hubungkan dengan pertumbuhan sastra Melayu moden.
6. Di dalam pemahaman pembacaan intertekstual Barthes, sebuah teks itu dilihat sebagai "a tissue of quotations drawn from the innumerable centers of culture". Huraikan pembacaan tersebut dengan merujuk kepada konvensi penciptaan sastra Melayu tradisional. Dengan berdasarkan analisis Maier ke atas Hikayat Merong Mahawangsa, perlihatkan bagaimana pembacaan intertekstual ini dapat memperkayakan makna teks ini, hatta memperlihatkan kebijaksanaan kreativiti pengarangnya.
7. Kecenderungan sastra moden ialah untuk merombak konvensi atau apa yang diistilahkan sebagai deotomatisasi dan defamiliarisasi (V. Shklovsky). Bagaimanakah kecenderungan ini menetapkan nilai-nilai seni dalam sastra moden, dan apakah kesannya ke atas pembacaan karya-karya Melayu semasa.
8. Seni "ideational" (Sorokin) adalah seni yang terletak pada sfera kesempurnaan rohani (Braginsky) yang didasarkan kepada sifat "constructional" (Affandi). Mengapakah seni ini dianggap sebagai seni yang paling tinggi oleh Ken Wilbur dan paling sempurna di dalam konteks kesusasteraan Melayu seperti yang dibicarakan oleh Affandi.

--ooo000ooo--